

Malaysia Boleh Capai 6 Peratus Pertumbuhan KDNK Dengan Menggandakan Pelaburan Swasta
Bernama
12 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Malaysia boleh mencapai pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak enam peratus sekiranya ia menggandakan tahap pelaburan swasta daripada kira-kira 10 peratus kepada 25 hingga 30 peratus KDNK.

Ketua pakar ekonomi kumpulan RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng , berkata dalam sedekad lalu, pelaburan swasta berlegar sekitar 10 peratus KDNK.

"Reformasi ekonomi yang menyediakan persekitaran yang menarik pelaburan dalam jangka panjang khususnya pelaburan dalam teknologi kemahiran tinggi dan industri berlandaskan pengetahuan, perlu dipercepat," katanya kepada pemberita semasa berlangsungnya Persidangan Bon Tahunan RAM.

Dr Yeah berkata dari segi hala tuju dan matlamat dasar, Malaysia bergerak lancar untuk mencapai pertumbuhan ekonomi enam peratus, terutamanya kerana kerajaan Persekutuan telah merangka hala tuju dengan amat baik.

Apa yang perlu dilakukan sekarang, katanya, ialah memastikan pelaksanaan hala tuju dan matlamat dasar itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680199>